

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK  
[SIMPANG RENGGAM]**

**TARIKH : 3 OGOS 2020 ( ISNIN )**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status terkini pencapaian Jawatankuasa Kabinet Pemeriksaan TVET dan adakah Kementerian ini akan diberi kepercayaan menerajui usaha bersepadu rentas Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Kabinet Pemeriksaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (JKKPTVET) telah ditubuhkan pada 14 Ogos 2019. JKKPTVET berperanan sebagai badan penasihat di peringkat nasional kepada kerajaan dalam usaha memperkasa sistem dan Institusi TVET secara menyeluruh merentas Kementerian. Berdasarkan perkembangan dan keperluan semasa, pihak kementerian sedang meneliti untuk memperkuatkannya tadbir urus dan halatuju pendidikan latihan teknikal dan vokasional secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.